

# Kes penipuan lebih RM20 juta di Pahang tahun ini

Sebanyak 1,775 kes direkodkan dari 1,903 kertas siasatan melibatkan jenayah komersial

Oleh NORAWAZNI YUSOF  
KUANTAN

Sebanyak 1,903 kertas siasatan dibuka melibatkan pelbagai jenayah komersial di Pahang dalam tempoh 11 bulan pada tahun ini.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 1,775 adalah kes penipuan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Menurutnya, antara kes pe-

nipuan itu membabitkan beberapa kategori yang disenaraikan sebagai operasi jenayah komersial seperti e-dagang, *Macau Scam* dan pinjaman tidak wujud.

"Bagi jumlah keseluruhan e-dagang adalah sebanyak 701 kes dengan jumlah kerugian lebih RM8.2 juta. Kes ini melibatkan penipuan pembelian dalam talian. Transaksi ini melibatkan pembayaran kepada pesanan dalam talian yang tidak wujud.

"*Macau Scam* pula sebanyak 282 kes membabitkan jumlah kerugian RM8.8 juta. Dalam kes

kebiasaan mangsa akan menerima panggilan daripada individu yang menyamar sebagai pegawai kerajaan dan mendakwa mereka terlibat dengan pelbagai kesalahan jenayah.

"Sebanyak 239 kes adalah pinjaman tidak wujud sehingga menyebabkan kerugian hampir RM3.3 juta dan kebanyakan mangsa yang terpedaya selepas melihat iklan di laman Facebook dan aplikasi WhatsApp," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan di sini pada Selasa.

Ramli menjelaskan, kes pe-

nipuan itu mungkin berkaitan rapat dengan penjualan data-data daripada pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Kita perlu kajian lebih lanjut untuk mengaitkan dengan kecurian data peribadi ini yang dikatakan dijual kepada pihak tertentu bagi tujuan jenayah," katanya.

Sehubungan itu, Ramli menasihatkan orang ramai tidak mudah terpedaya dengan sebarang tawaran yang diumpan sama ada menerusi laman Facebook atau panggilan telefon daripada sindiket penipuan.



RAMLI